

Iklm ekonomi penyumbang utama daya saing negara

UMM-6/12/2006
KUALA LUMPUR 5 Dis. - Iklm ekonomi yang baik menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kedudukan daya saing Malaysia dalam *World Competitiveness Yearbook 2006* dari tempat ke-28 tahun lepas ke tangga 23 tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah berkata, Malaysia menunjukkan prestasi baik dalam tiga daripada empat faktor yang diukur bagi menentukan tahap daya saing sesebuah negara.

Menurutnya, tiga faktor itu ialah tahap kecekapan kerajaan yang naik dari tangga 26 ke tangga 20, kecekapan perniagaan (dari 25 ke 20) dan kualiti infrastruktur (dari 34 ke 31).

"Malaysia hanya mencatatkan sedikit kejatuhan dari segi prestasi ekonomi iaitu dari tangga kelapan pada 2005 ke tangga ke-11 tahun ini," katanya menjawab soalan **Ismail Mohamed Saïd (BN-Kuala Krau)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Kemerosotan kedudukan dalam prestasi ekonomi itu katanya, berlaku ekoran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dari tangga ke-11 ke tangga 19, kemasukan pelabur asing (10 ke 20), pertumbuhan guna tenaga (tiga ke 21) dan pengangguran di kalangan belia (sembilan ke 21).

Bagaimanapun katanya, Ma-

laysia masih berada dalam kelompok 10 teratas bagi kriteria penilaian prestasi ekonomi yang lain seperti eksport barangan, imbangan akaun semasa dan nisbah jumlah dagangan berbanding KDNK, pendapatan hasil pelancongan serta kadar inflasi yang rendah.

Menurutnya, dari segi eksport perkhidmatan komersial kedudukan Malaysia naik dari tangga ke-57 ke tangga ke-20, stok pelaburan langsung Malaysia di luar negara (51 ke 29) dan stok pelaburan dalam negara (53 ke 40).

"Walaupun kedudukan prestasi ekonomi kita jatuh sedikit tetapi ia berada pada kedudukan lebih baik berbanding kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan kualiti infrastruktur," katanya.

Usaha kerajaan untuk membaiki sistem penyampaian juga katanya, mula menunjukkan hasil apabila kedudukan Malaysia dalam kriteria kereñah birokrasi naik dari tangga ke-25 ke tangga ke-11.

Malah katanya, beberapa persepsi terhadap amalan kerajaan seperti dasar perlindungan pengusaha tempatan, pemberian subsidi, pemberian kontrak dan pengelakan cukai menunjukkan peningkatan sekali gus membantu membaiki kedudukan Malaysia dalam senarai daya saing berbanding 61 negara yang dikaji.